KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	-			

6 pemenang jimat kos elektrik RM4.1j

HM 14.12.2021_22

Putrajaya: Enam pusat data yang memenangi Anugerah Pengkomputeran Hijau (GCA) di bawah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) berjaya menjimatkan kos elektrik kerajaan sebanyak RM 4.1 juta setahun.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pemenang anugerah berkenaan juga berjaya mengurangkan jejak karbon mereka sebanyak 6,751 tan metrik setahun.

"Menerusi pengkomputeran hijau ini, ia membolehkan pengurangan kos tenaga sebanyak 60 peratus berserta pengurangan jejak karbon.

"Penggunaan pengkomputeran hijau di pusat data sektor awam di serata Malaysia berpotensi mengurangkan penggunaan tenaga kepada 402,557,040KWj, dengan penurunan bil tenaga kepada RM181,150,668 disertai penurunan jejak karbon kepada 287,425 metrik tan setahun," katanya dalam ucapan perasmian GCA bagi tahun 2021 di Teknologi Tinggi Malaysia (Might) di sini, semalam.



DR Adham beramah mesra dengan penerima anugerah pada Majlis Anugerah Pengkomputeran Hijau 2021 di Cyberjaya, semalam. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Pengkomputeran hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem yang memelihara alam sekitar yang mampu mengurangkan implikasi negatif kepada masyarakat.

Kategori Sistem Elektrikal Terbaik dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), dua anugerah dimenangi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu Kategori Kejuruteraan Sistem Terbaik dan Terbaik antara Terbaik, kategori Kawalan Alam Sekitar Terbaik dimenangi Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Kategori Kawalselia dan Pelaporan Terbaik dimenangi Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Selain daripada itu Jabatan Peguam Negara memenangi kategori Kebolehskalaan dan Daya Tahan Terbaik, manakala dua anugerah dimenangi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu Pengurusan Terbaik dan Anugerah Advokasi Industri yang diterima oleh TS Rizman Yusam dan anugerah Terbaik antara Terbaik dimenangi JPA.